

PERJALANAN INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL DI SINGAPURA; Harus ada struktur pemangkin kejayaan lulusan ITE

Berita Harian, 23 February 2015

SINGAPURA harus mewujudkan satu struktur yang membolehkan warga negara menaiki tangga kejayaan dan terus maju, tidak kira dari mana mereka bermula.

Ini dinyatakan Menteri Negara Kanan (Undang-Undang merangkap Pendidikan), Cik Indranees Rajah, dalam seminar SG50 dan Seterusnya: Sistem Latihan Kemahiran Singapura anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) di Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Maktab Central Selasa lalu.

"Kita mahu memastikan sistem itu boleh mencipta kemajuan tanpa mengira latar belakang seseorang. Jika anda mempunyai semangat kental, keazaman berserta sikap betul dan berdaya tahan, pemerintah akan memainkan peranannya dengan menyediakan rangka kerja, peluang dan sokongan tepat," kata beliau.

Seminar itu dihadiri sekitar 100 pendidik dari politeknik dan ITE serta kakitangan awam, peniaga dan pemimpin sektor teknikal dan kejuruteraan.

Cik Indranees memberi contoh seseorang yang berkelulusan sijil ITE Nasional (Nitec) tetap boleh maju dalam pekerjaan.

Mereka boleh mendapat latihan kemahiran tambahan, mungkin berbentuk kelayakan akademik, profesional atau sijil teknikal, bagi membolehkan mereka meningkatkan kedudukan.

"Sampai ke satu tahap apabila anda telah memperolehi kesemua kemahiran teknikal dan tampak jelas anda harus menjawat kedudukan sebagai pengurus dan penyelia bagi membolehkan anda menjalani latihan penuh, anda berpeluang berbuat demikian.

"Kita harus mewujudkan struktur yang membolehkan orang ramai melangkah ke atas, melakukan sesuatu dengan lebih baik dan maju tanpa mengira dari mana mereka bermula," ujar Dr Indranees, yang turut melancarkan buku bertajuk *A Breakthrough In Vocational and Technical Education: The Singapore Story* di seminar tersebut.

Buku itu - tulisan mantan pengarah yang juga ketua pegawai eksekutif (CEO) ITE Dr Law Song Seng, diterbitkan bersama IPS dan syarikat World Scientific - menyingkap pendidikan vokasional dan teknikal di Singapura serta perubahan penting ITE sepanjang tempoh 15 tahun dari 1992 hingga 2007.

Dr Law berkata dalam perbincangan panel semasa pelancaran bukunya bahawa ITE sekarang "bukan tempat bagi memperolehi kemahiran teknikal untuk mendapatkan pekerjaan sahaja, bahkan menyiapkan pelajar secara menyeluruh dalam memburu impian mereka, menyediakan landasan ke arah kejayaan mengikut kekuatan dan minat masing-masing".

Ia kini menawarkan lebih 100 program relevan pada tuntutan pasaran, dengan pendekatan pembelajaran tulen dan inovatif, serta memperkukuh rangkaian industri dan global, selain meningkatkan keupayaan profesional kakitangannya, tambah beliau.

Pengarah merangkap CEO ITE sekarang, Encik Bruce Poh, berkata mutu dan nilai lulusan institut itu juga kian baik.

Jumlah pelajarnya kini hampir 30,000 orang, dengan 85 peratus, iaitu sembilan dalam setiap 10 pelajar, mendapat pekerjaan dalam enam bulan selepas tamat pengajian.

ITE melancarkan baru-baru ini pelan strategik lima tahunnya, yang diberi nama ITE Trailblazer.

Soal perubahan minda masyarakat terhadap ITE dan gaji lulusannya turut diperkatakan dalam dalam perbincangan panel yang dipengerusikan zamil penyelidikan kanan IPS, Dr Gillian Koh, dan disertai beberapa penceramah.

Seorang daripada mereka, Encik Choo Chiau Beng, penasihat kanan Keppel Corporation Limited, melahirkan keprihatinan tentang pembentukan budaya elit di mana kanak-kanak enggan mengotorkan tangan ekoran banyak bergantung pada bantuan pembantu rumah.

Maka itu, beliau mengalu-alukan usaha ITE membentuk pelajarnya.

"Ijazah bukan satu-satunya cara mencapai apa yang anda mahu. Adanya ijazah bukan bermakna anda sudah tamat di garisan penamat. Ia bukan pengakhirannya. Ijazah hanya salah satu caranya. Terdapat cara-cara lain juga.

"Golongan dalam industri mahukan mereka yang berkemahiran. Kemahiran di sini bukan bermakna teknisyen, pengimpal atau seorang yang melakukan kerja-kerja pembinaan. Apabila kita bercakap tentang kemahiran, ramai yang mudah beranggapan ia berkolar biru.

"Kemahiran bermakna anda benar-benar arif dalam sesuatu bidang itu," ujar Dr Indranee.

PERJALANAN KE ARAH PERUBAHAN

ARUS PERTAMA (1995 HINGGA 1999)

Pelan: ITE 2000

Visi: Membangun ITE supaya menjadi institusi pendidikan teknikal pos-menengah.

ARUS KEDUA (2000 HINGGA 2004)

Pelan: Kejayaan besar ITE

Visi: Institusi pendidikan teknikal bertaraf dunia bagi ekonomi berasaskan pengetahuan.

ARUS KETIGA (2005 HINGGA 2009)

Pelan: Keunggulan ITE

Visi: Pemimpin global dalam pendidikan teknikal.

JENAMA UNIK PENDIDIKAN MAKTAB ITE

* Persekitaran holistic

* Menggunakan tangan seperti jurusan Kejururawatan dan Teknologi Biokimia.

* Menggunakan minda seperti jurusan Robotik dan Media Digital.

* Menggunakan hati seperti khidmat dan projek kemasyarakatan.

Hasilnya adalah pendidikan yang menghasilkan lulusan yang relevan mengikut pasaran dan mudah menyesuaikan diri. Ia juga membentuk lulusan yang cenderung ke arah pendidikan dan pekerjaan sepanjang hayat.

SISTEM KAMPUS MEGA MODEN

* ITE College East (2005) di Simei Avenue.

* ITE College West (2010) di Choa Chu Kang Grove.

* ITE College Central (2012) di Ang Mo Kio Drive.

UBAH IMEJ ITE

* Pemasaran menerusi kunjungan menteri dan perdana menteri.

* Kempen publisiti menerusi iklan bas dan MRT yang mengetengahkan lulusan ITE yang berjaya.

JEJAKI PROFIL SOSIAL LULUSAN ITE

PENDIDIKAN

Kelulusan2002

Ijazah & ke atas:0%

Diploma politeknik:0%

ITE/Posmenengah:100%

Menengah & ke bawah:0%

Kelulusan2006

Ijazah & ke atas:2%

Diploma politeknik:28%

ITE/Posmenengah:70%

Menengah & ke bawah:0%

Kelulusan2011

Ijazah & ke atas:9%

Diploma politeknik:26%

ITE/Posmenengah:65%

Menengah & ke bawah:0%

PEKERJAAN

2002

Pengurus, usahawan & profesional:0%

Profesional bersekutu & teknisyen:28%

Mahir:72%

Tidak mahir:0%

2006

Pengurus, usahawan & profesional:7%

Profesional bersekutu & teknisyen:54%

Mahir:39%

Tidak mahir:0%

2011

Pengurus, usahawan & profesional:18%

Profesional bersekutu & teknisyen:44%

Mahir:38%

Tidak mahir:0%

ITE memenangi Anugerah Mutu Singapura (SQA) pada 2005 dan Inovasi Mengubah Pemerintahan Harvard-IBM pada 2007.